



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 10/2017**

**Pengurusan Barang Rampasan Yang Dicadang Untuk Diserahantar
Kepada Polis Di Bawah Seksyen 426B Kanun Tanah Negara**



**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Putrajaya
2017**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2017

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil. 10/2017
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultansi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 November 2017

Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 10/2017**

**PENGURUSAN BARANG RAMPASAN YANG DICADANG UNTUK
DISERAHANTAR KEPADA POLIS DI BAWAH SEKSYEN 426B
KANUN TANAH NEGARA**

TUJUAN

1. Pekelliling ini bertujuan untuk menasihatkan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) dan Pentadbir Tanah mengenai pengurusan barang rampasan yang bersifat sukar untuk dialih yang dicadang untuk diserahantar kepada Polis di bawah seksyen 426B Kanun Tanah Negara (KTN).

LATAR BELAKANG

2. Seksyen 426B(1) KTN berbunyi:

"Where a Settlement Officer or an authorized officer has seized any thing in exercise of his powers under section 426A, he shall as soon as may be inform of the fact to the Land Administrator, who shall direct the Settlement Officer or the authorized officer as to the proper custody of the thing, and if the thing is a thing which may be delivered to a police officer under subsection (2) of this section, may direct that it is so delivered.

3. Seksyen 426B(2) KTN berbunyi:

"The Registrar or Land Administrator or if there is a direction under subsection (1) of this section, the Settlement Officer or authorized Officer, may deliver to a police officer-

- (a) *any movable property (other than any thing seized under paragraph 426A(1)(b) remaining on the land after a person has been arrested or building has been demolished or removed under paragraph 426A(1)(c); and*
- (b) *any of the materials composing a building so demolished or removed,*

and property or materials so delivered shall be disposed of in accordance with section 22 of the Police Act 1967[Act 344]

4. Pihak Polis dikatakan tidak mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan tenaga kerja untuk melupuskan barang rampasan tersebut walaupun ianya boleh dikategorikan sebagai harta tak dituntut di bawah seksyen 22 Akta Polis 1967.

PANDUAN PELAKSANAAN

5. Dalam melaksanakan pekeliling ini, PTG dan Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara seperti di bawah ini:

- 5.1 Bagi mengatasi masalah kesulitan pihak Polis melaksanakan tindakan pelupusan di bawah Akta Polis 1967, maka PTG dan Pentadbir Tanah boleh memilih untuk tidak menyerahantar barang rampasan tersebut kepada pihak Polis merujuk seksyen 426B KTN berkenaan ‘penjagaan dan serahantaran benda-benda yang dirampas’ yang menggunakan perkataan ‘may’ (boleh). Oleh itu, penyerahan barang-barang rampasan kepada pihak Polis bukanlah suatu yang mandatori.
- 5.2 PTG dan Pentadbir Tanah dinasihat untuk memusnahkan struktur yang terdapat di tanah Kerajaan yang diduduki secara tidak sah seperti contoh struktur penahan hujan di Cameron Highlands tanpa perlu diserahantar kepada pihak Polis merujuk kepada seksyen 426A(1)(c) KTN berkenaan ‘kuasa menahan dan merampas’.

Seksyen 426A(1)(c) KTN berbunyi:

“Any police officer not below the rank of Inspector, Registrar, Land Administrator, Settlement Officer or other officer duly authorized by the State Authority (hereafter in this Part referred to as “authorized officer”) may without warrant-

(a) - (b)...

(c) demolish, destroy or remove any building, or take possession in the name of State Authority of any crop, erected or cultivated on any land in contravention thereof.”

- 5.3 Barang-barang yang diserahantar kepada pihak Polis ialah barang-barang yang selain daripada barang-barang yang dirampas oleh PTG dan Pentadbir Tanah yang akan diteruskan tindakannya di bawah KTN. Bagi barang rampasan yang perlu dijadikan bahan bukti kes pendakwaan di Mahkamah, PTG dan Pentadbir Tanah dinasihat untuk mengambil sampel dan yang selainnya dimusnahkan seperti para 5.2 di atas. Sebagai contoh struktur penahan hujan yang berbentuk ‘scrap’, tidak sesuai untuk dijadikan bahan bukti kes atau ekhibit berdasarkan bentuknya yang telah ‘crumple’ dan bilangannya yang banyak.
- 5.4 Dalam keadaan barangan tersebut perlu dijadikan bahan bukti kes pendakwaan di Mahkamah, PTG dan Pentadbir Tanah dinasihat untuk mengambil gambar yang mencukupi barangan tersebut di atas tanah sebelum ianya dimusnahkan seperti para 5.2 di atas. Penggunaan gambar sebagai bahan bukti kes adalah memadai berdasarkan **kes**

Chong Ah Chai & Ors Iwn. PP [1979] 2 MLJ 262. Berdasarkan penghakiman kes tersebut, penggunaan gambar sesuatu barang yang diperlukan sebagai bahan bukti tanpa bahan bukti dihadirkan di depan hakim tidak menyebabkan berlakunya terputus rantaian pembuktian kes tersebut (*break or gap in the chain of evidence*).

6. PTG dan Pentadbir Tanah dinasihatkan untuk meneruskan pelucutahan dan pelupusan barang rampasan di bawah peruntukan sedia ada di bawah seksyen 425 dan 426 KTN.

KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara, dan hendaklah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.


(DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG-950/100-1/7/1 Jld. 4 (20)
Tarikh : / November 2017